

CNS6294

U GB 07-12 00153 BA661

aab

LIMA-Mahathir

MALAYSIA AKAN KELUARKAN PESAWAT AMPIBIA

J

LANGKAWI, 7 Dis (Bernama) -- Malaysia akan mengeluarkan pesawat amfibia dengan reka bentuk Jerman di Pulau Pinang tahun depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Pesawat Dornier Seastar CD2 berenjin kembar itu mempunyai 14 tempat duduk dan akan dikeluarkan sepenuhnya di Malaysia oleh sebuah konsortium yang diketuai oleh Aerospace Industries Malaysia (AIM).

"Pesawat ini mempunyai skop jualan yang sangat luas di rantau Asia Pasifik, memandangkan ia boleh digunakan untuk pengawalan maritim dan misi mencari dan menyelamatkan serta untuk tujuan perangnya di tasik dan pulau," kata Dr Mahathir semasa merasmikan pembukaan pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) 1993.

Ini merupakan projek pengeluaran pesawat yang ketiga oleh Malaysia selepas Eagle X-TS, pesawat ringan komposit dan Datwyler MD3-160, pesawat dua tempat duduk dengan reka bentuk Switzerland untuk latihan aerobatik. -- Lagi.

▼07/12/10-27MST

R GB 07-12 00186 BA662

aab

LIMA-Mahathir 2 Langkawi

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa kerajaan telah meluluskan penubuhan Zon Pengeluaran Komposit (CMZ) di Melaka sebagai usaha menggalakkan pengeluaran barangan komposit di Malaysia.

Zon itu antara lain akan menempatkan pusat industri udara yang diketuai oleh Eagle Aircraft Malaysia Sdn Bhd, pusat pengeluaran barangan bukan penerbangan termasuk Talon Malaysia yang mengeluarkan kayu hoki daripada bahan-bahan komposit dan sebuah makmal komposit yang canggih bagi memudahkan syarikat-syarikat di zon itu menjalankan penyelidikan.

"Kami berharap lebih banyak syarikat, tempatan dan luar negeri, menyertai kami di CMZ," katanya.

Menurut beliau, bahan komposit boleh digunakan dalam pengeluaran pelbagai barangan sukan, kapal marin, kelengkapan untuk kereta api dan kenderaan serta semua jenis bekas yang memerlukan ketahanan.

Dr Mahathir berkata kewujudan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dengan kos yang rendah merupakan aset utama kepada pengeluaran komposit di negara ini.

Beliau berkata dengan pengeluaran tiga pesawat itu, Malaysia telah memasuki bidang teknologi baru yang mengutamakan kualiti yang sangat tinggi.

Industri pesawat terbang juga menghendaki tenaga kerja Malaysia sentiasa peka kepada kualiti dalam keseluruhan proses pengeluarannya, katanya. -- Lagi.

▼07/12/10-59MST

LIMA-Mahathir 3 Langkawi

"Ini sememangnya permulaan yang kecil. Tetapi dahulu, Amerika Syarikat pun memasuki industri udara dengan Kitty Hawk, sebuah pesawat yang lebih primitif daripada tiga pesawat yang saya katakan tadi," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Dalam tempoh satu abad lagi, kita mungkin mempunyai rakan kepada Boeing dan McDonnell Douglas, insya-Allah. Tetapi sesuatu permulaan harus dibuat. Dan tiga pesawat kecil mampu melakukan permulaan yang baik, walaupun secara sederhana."

Eagle X-TS dikeluarkan oleh Eagle Aircraft Malaysia, sebuah usahasama Petronas dan syarikat milik kerajaan, Composite Technology Research Malaysia.

Pengeluaran model pertama Eagle X-TS, yang sesuai untuk penerbangan persiaran dan kerja pengawasan, dibuat dengan kemudahan di Perth, Australia pada Oktober lepas. Pesawat itu pada akhirnya akan dikeluarkan secara keseluruhannya di Malaysia.

Eagle Aircraft Malaysia telah menerima tempahan enam pesawat daripada pelanggannya yang pertama, Conservation and Land Management Authority di Australia Barat. -- Lagi.

▼07/12/11-18MST

aab

LIMA-Mahathir 4 Langkawi

Pesawat MD3-160 dikeluarkan oleh SME Aerospace yang merancang mengeluarkan pesawat latihan kos rendah pertama Malaysia itu sebelum akhir tahun depan.

Dr Mahathir, yang juga menyentuh mengenai usaha Malaysia memajukan industri maritimnya sendiri, berkata negara ini mempunyai potensi besar dalam pembuatan bot persiaran.

Beliau menyarankan kepada usahawan tempatan dan luar negara supaya mengkaji kemungkinan menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran bot persiaran bagi rantau ini dengan adanya permintaan yang semakin meningkat.

"Dengan semakin banyaknya bot sedemikian di perairan tempatan, keperluan bagi kemudahan marina dan penyenggaraan bot juga akan meningkat," katanya.

Beliau juga berkata dalam memenuhi keperluan perindustrian dan teknologi baru, perubahan akan dibuat kepada dasar pendidikan dan kursus-kursus baru akan ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi, kerajaan dan sektor swasta.

Kerajaan bersedia mengadakan kemudahan sokongan kepada sektor swasta yang berminat melahir dalam teknologi tinggi dan ia akan bertindak balas serta-merta bagi memenuhi keperluan pelabur.

Dr Mahathir berkata LIMA bukanlah semata-mata satu lagi pameran udara atau maritim kerana hampir semua negara di Asia mengadakan pameran sedemikian. -- Lagi.

▼07/12/11-34MST

CNS6344

R GB 07-12 00187 BA665

aab

LIMA-Mahathir 5 (Akhir) Langkawi

LIMA masih istimewa "kerana ia diadakan di rantau yang mengalami pertumbuhan ekonomi paling pesat; penduduk di rantau ini kini semakin mewah dan bukan sahaja banyak mengembara tetapi mula menganggap yang memiliki jet peribadi dan bot mewah itu sebagai satu keperluan bagi perniagaan dan keselesaan," katanya.

Katanya, pameran-pameran LIMA seterusnya juga bertujuan memhuat cabaran kepada rakyat Malaysia untuk bertindak balas dan menjadi pro-aktif terhadap permintaan dunia teknologi.

"Malaysia tidak boleh ketinggalan. Dalam dunia yang penuh persaingan, tidak boleh wujud sikap puas hati. Kepekaan dan kesediaan untuk memasuki bidang baru merupakan prasyarat untuk sentiasa maju," katanya.

Dr Mahathir berharap lebih banyak acara antarabangsa diadakan di Langkawi, sebuah destinasi pelancongan yang menarik serta lokasi pelaburan yang penting.

Upacara perasmian itu, yang diadakan di pusat pameran bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, turut dihadiri oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, menteri-menteri Kabinet dan wakil-wakil negara luar.

Pameran udara pesawat-pesawat tempatan dan luar negara diadakan sejurus selepas upacara perasmian itu. Pameran maritim diadakan di jeti Kuah. -- Bernama

SAG NAK NMO

▼07/12/11-46MST